

**Silat:
MITF
sambut
baik
B. Harion (M)
kejayaan
Meor
10 AUG 1988**



■ MEOR BADRUL HISHAM

KEJAYAAN Meor Badrul Hisham Kamaruzaman memenangi pingat emas Kelas C di Kejuaraan Silat Kebangsaan '88 di Port Dickson, minggu lalu, disambut baik oleh Persekutuan Taekwondo Antarabangsa Malaysia (MITF), lapor **RAHIME YUSOF**.

Di kejuraan itu dia mengalahkan pesilat skuad Sukan SEA '89, Khairi Abdul Rahman dari Gayong Malaysia. **TENAK SILAT**

Presiden MITF, Master Sabree Salleh, berkata kejayaan Meor Badrul Hisham itu adalah kemenangan MITF juga kerana dia adalah ahli badan taekwon-do itu.

"Kita sentiasa ingin melihat dia maju dan sebab itu tidak teragak-agak memberi pelepasan kepadanya untuk menyertai kejuraan silat selepas mendapat permohonan rasmi.

"Saya juga memberi pengecualian kepadanya daripada menyertai Kejohanan Taekwon-do Kebangsaan MITF di Port Dickson pada 22 Julai lalu bagi memastikan dia tidak cedera untuk membolehkannya memberi cabaran di kejuraan silat," kata beliau.

Master Sabree berkata, pihaknya tidak menghalang mana-mana peserta yang ingin menyertai kejuraan seni mempertahankan diri lain kecuali mewakili pertubuhan taekwon-do yang tidak sealign dengan MITF.

"Saya tahu sebelum ini pun Meor Badrul Hisham memang ahli silat. Saya tidak pernah menghalang ahli silat mempelajari taekwon-do, malah dia berhak untuk terus mengikuti latihan kami asalkan tidak melanggar peraturan," ujarnya.

Meor Badrul Hisham, 19, pemegang tali pinggang hitam kelas pertama adalah ahli jawatankuasa Persatuan Taekwon-do Port Dickson.

Dengan kejayaan menjuarai Kelas C itu dia diserapkan dalam skuad Sukan SEA '89 dan akan menyertai latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu, pada 15-22 Ogos ini.

Sementara itu, Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata Meor Badrul Hisham memenuhi syarat kejuraan kerana mampu mengayakan langkah silat, jika tidak dia sudah tentu tersingkir lebih awal.

"Saya terkejut apabila mendapat tahu, pesilat Negeri Sembilan itu ahli juga taekwon-do kerana cara persilatannya begitu baik dan tidak kaku seperti sesetengah ahli taekwon-do lain yang menyertai silat," katanya.

Sulaiman menerangkan, jika pesilat itu mengekalkan kecemerlangan sewaktu latihan pusat nanti, kemungkinan dia tersenarai menyertai Kejuaraan Undangan Singapura pada 25 Ogos.